



**KENYATAAN MEDIA
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KEDAH DARUL AMAN**

**SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH DARUL AMAN
YANG KE-79 TAHUN 2021**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Dengan ini dimaklumkan bahawa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman telah perkenan agar Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-79 dilewatkan ke satu tarikh yang akan diumumkan kelak.

Pendekatan ini diambil memandangkan keadaan semasa negara yang masih belum stabil berikutan peningkatan drastik wabak COVID-19 sejak akhir-akhir ini. Pendekatan seperti ini harus diambil dalam usaha untuk membendung wabak COVID-19 daripada terus menular di negara ini. Kerjasama dan sokongan berterusan daripada rakyat amat diperlukan untuk memastikan keberkesanan tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri Kedah bagi menjamin kelangsungan kesihatan awam dan kesejahteraan rakyat dapat dicapai.

Walau bagaimanapun, ucapan sembah tahniah sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Yang Ke-79 Tahun 2021 melalui saluran media cetak dan media elektronik boleh dilaksanakan. Selain itu, hari pelepasan am atau cuti umum sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah pada hari Ahad 20 Jun 2021 dikekalkan tanpa sebarang perubahan.

Sekian, dimaklumkan.

DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM

Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

15 Jun 2021 bersamaan 4 Zulkaedah 1442H